

kit TUAH | TEJA

TANGKAS • UNGGUL • ADAPTIF • HOLISTIK TANGKAS • ELEGAN • JAGAT • ADAPTIF

PELAJAR BAHARU SESI 2024/2025

7 - 11 Oktober 2024
Dewan Canselor UTeM



TUAH | TEJA
TANGKAS • UNGGUL • ADAPTIF • HOLISTIK TANGKAS • ELEGAN • JAGAT • ADAPTIF



ISI KANDUNGAN

Aluan Naib Canselor UTeM	1
Ucapan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	2
TUAH UTeM	3
Visi, Misi, Moto	4
Lagu UTeM Terbilang	5
 ORGANISASI	 6
SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB	13
PELAN KAMPUS INDUK	14
PELAN KAMPUS INDUSTRI	15
 MPP UTeM	 16
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI	17
YURAN PENGAJIAN	18
PERKHIDMATAN PELAJAR	22
PTPTN	23
KOLEJ KEDIAMAN UTeM	31
PEMBANGUNAN PELAJAR	36
KELAB DAN PERSATUAN PELAJAR	38
KELAB SUKAN PELAJAR	41
PERKHIDMATAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	46
KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI PUSAT SUKAN	51
PERATURAN BERPAKAIAN	65
DIREKTORI STAF	67

Aluan

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Assalamualaikum w.b.t.
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada mahasiswa dan mahasiswi atas kejayaan terpilih untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Kejayaan anda ini merupakan satu usaha dalam memperbaiki taraf kehidupan diri, keluarga dan masyarakat. Kini, anda bukan sahaja membawa nama keluarga, bahkan memikul tanggungjawab yang lebih besar dengan membawa nama sebuah institusi pengajian tinggi awam yang menjadi rebutan ramai lagi individu di luar sana. Saya mewakili pihak pengurusan UTeM mengalu-alukan kehadiran mahasiswa dan mahasiswi sebagai sebahagian daripada keluarga besar UTeM.

Pusaka Melayu indah berseloka
Berpuitis madah jangan ditinggalkan;
Selamat datang ke bumi Melaka,
Kehadiran anda kami alukan.

UTeM merupakan Universiti Awam yang ke-14 dan merupakan Universiti Teknikal Pertama di Malaysia. Sebagai sebuah universiti berfokus dalam bidang teknikal, UTeM menjadi perintis kepada pengajaran dan pembelajaran berasaskan aplikasi dan amalan untuk kemahiran teknikal yang berbeza daripada universiti konvensional sedia ada. UTeM merupakan salah sebuah institusi di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang berperanan besar dalam memacu bidang pengajian berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan perkembangan global terkini dan berfungsi dalam memacu ekonomi perindustrian negara untuk lebih mapan bagi mencapai status negara maju di masa hadapan.

Bagi mencapai hasrat ini, UTeM telah merencanakan 5 Teras Strategik (Strategic Thrust) bagi melengkapi ekosistem akademik, industri dan masyarakat menerusi kepakaran dan khidmat nasihat yang disumbangkan oleh ilmuan teknologi (technology scholar). Kumpulan ilmuan ini turut sama berperanan sebagai penyumbang solusi (solution provider) dalam menyokong pembangunan industri dan kelestarian masyarakat yang lebih berimpak. Bagi merealisasikan hasrat ini, UTeM telah dan bakal melaksanakan pelbagai inisiatif yang berfokus untuk melahirkan siswa dan siswi berkualiti menyeluruh yang memenuhi standard keperluan seorang teknologis dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.



Dari aspek melahirkan graduan holistik pula, UTeM menitikberatkan keseimbangan di antara pencapaian akademik dan pembangunan kemahiran insaniah. Ini adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan memiliki atribut siap siaga industri (industry-ready), dan seimbang dalam segenap aspek keperluan bagi bersaing dan terserlah dikalangan yang terbaik. Graduan-graduan daripada institusi pengajian tinggi terkemuka negara sedang bersaing dalam memastikan penempatan di industri. Justeru, saya menyeru mahasiswa dan mahasiswi semua untuk menggunakan segala masa dan peluang yang tersedia sepanjang pengajian di Universiti ini bukan sahaja untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata, malah dapat memperbaiki kompetensi diri menerusi penyertaan dan penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara formal mahupun tidak formal.

Akhir kata, diharapkan mahasiswa dan mahasiswi dapat mendokong aspirasi Universiti tercinta ini menerusi pembudayaan semangat TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik serta TEJA iaitu Tangkas, Elegan, Jagat juga Adaptif dalam diri masing-masing sekaligus menyokong hasrat pembangunan siswa dan siswi yang profesional, beretika, ihsan dan mempunyai daya juang yang tinggi.

UTeM, Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui.
Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan.
Terima kasih.

**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA
BINTI KAMALRUDIN**
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Ucapan

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Selamat Sejahtera,
Selamat datang ke UTeM!

Alhamdulillah, tahniah dan syabas diucapkan kepada pelajar baharu UTeM yang telah terpilih untuk mengikuti pengajian bagi sesi ini. Percayalah, anda adalah antara mereka yang bertuah untuk bersama kami menyertai keluarga besar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang menekankan pengajian teknikal selaras dengan keperluan industri. Jadikanlah peluang ini sebagai permulaan menjadi langkah pertama untuk mendaki ke puncak kejayaan dalam merealisasi impian, menukar mimpi menjadi realiti

Anda semua adalah TUAH dan TEJA UTeM. Bagaikan seorang pendekar yang berpencah, mengatur langkah ke gelanggang ilmu. Pada masa yang sama, menjaga sahsiah dan akhlak pekerti mulia sebagai seorang yang berilmu. Seterusnya berusaha untuk mempelajari segala ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang masing-masing agar suatu hari nanti, anda bakal menjadi jurutera, teknokrat dan profesional yang hebat dalam apa jua bidang diceburi, Insyaallah. Demikianlah insan TUAH dan TEJA yang ingin dilahirkan iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif, Holistik, Elegan dan Jagat.. Selaras dengan 8 dimensi, TUAH serta TEJA dan aspirasi UTeM ke arah membangunkan insan TUAH dan TEJA yang profesional, beretika, ihsan dan semangat daya juang yang tinggi.

Oleh itu, gunakanlah peluang keemasan ini dalam memastikan masa depan yang lebih cerah lagi gemilang. Manfaatkanlah segala kemudahan dan fasiliti yang telah disediakan di UTeM bagi membantu anda semua untuk membina nilai diri yang berkualiti seterusnya menjadi rebutan industri. Peri pentingnya, bagi melahirkan tenaga kerja yang berkualiti dan kompeten maka lengkapkanlah diri anda dengan kemahiran insaniah dan kepakaran yang diperlukan industri dengan kemampuan untuk menyesuaikan diri terhadap persekitaran yang dinamik.

Pihak Universiti dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) khususnya akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan dan kebaikan pelajar terutamanya dalam membangunkan personaliti unggul pelajar. Antaranya termasuklah dengan memberi sokongan terhadap penganjuran aktiviti-aktiviti kepimpinan, kesukarelawananan dan kemasyarakatan pelajar di luar kuliah melalui penglibatan dalam kelab dan persatuan berdaftar serta badan beruniform. Secara tidak langsung, ini akan dapat menggembelng penglibatan mahasiswa dan mahasiswi dalam membangunkan potensi diri dan bakat masing-masing.



Justeru itu, Kit TUAH TEJA UTeM dalam bentuk digital ini merupakan salah satu inisiatif sebagai rujukan buat semua pelajar baharu. Adalah diharapkan Kit TUAH TEJA UTeM ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin bagi memberi informasi dan maklumat penting berkaitan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, selain memudahkan urusan semua pelajar sepanjang pengajian di sini.

Esok yang gemilang bermula dengan hari ini yang penuh iltizam, ketekunan dan cita-cita murni. Mulakan gerak langkah anda dengan semangat dan azam membara. Ikhlasikan diri dan niatkan dengan penuh kebaikan demi Tuhan Yang Maha Berkuasa, supaya sentiasa mendapat keberkatan oleh-Nya. Ayuh bersama, kita genggam tanggungjawab ini, melakar masa depan yang gemilang dan terbilang demi keluarga, agama, bangsa dan negara yang tercinta.

“Try not only to become a man of success, but also to become a man of value”

PROFESOR MADYA
DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

TUAH TEJA UTEm



SILA LAYARI :
<https://youtu.be/6Sek0waEgIM>



VISI

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia




MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

1. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif.
2. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional.
3. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

MOTO

Kompetensi Teras Kegemilangan



SILA LAYARI :
<https://youtu.be/J1JqzvlusFA>

LAGU UTeM TERBILANG

DI SINI SEGALA BERMULA
CEMERLANG MENCIPTA GEMILANG
BERTUAH BUMIKU MENYAKSI
BERSAMA KITA BERJUANG

TERSOHOR PERSADA DUNIA
SENADA WAWASAN NEGARA
MELAHIR INSAN LUHUR JIWA
MAMPAN MENAMBAT DUNIA

C/O

PERKONGSIAN PINTAR
UNIVERSITI DAN INDUSTRI
KREATIF INOVATIF

PEMBELAJARAN TERAS
APLIKASI DAN KOMPETENSI
TEKAD MENCAPAI VISI DEMI SEMANGAT NEGARA
KAMI MENCURAH BAKTI
NASIB PERTIWI TERUS DIBELA
KEPADA IBUNDA KAMI BERJANJI

UTeM KU CEMERLANG
UTeM KU GEMILANG
UTeM KU TERBILANG
UTeM TERUS BERJUANG

UTeM KU CEMERLANG
UTeM KU GEMILANG
UTeM KU TERBILANG
UTeM TERUS BERJUANG

LAGU : M.NASIR
LIRIK : SETH / UTeM

LAGU UTeM TERBILANG
UTeM | Universiti Teknikal Malaysia Melaka -
Lagu Korporat

ORGANISASI



CANSELOR UTeM

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia
(Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam



PRO-CANSELOR

Y.Bhg. Tan Sri Abdul Rashid Bin Hussain

LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI:
YBHG. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR



AHLI:
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



ENCIK HASAN BIN MUDA
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan Malaysia



PUAN SITI NORAZLINA BINTI SENI
Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai
(Cukai Langsung dan Antarabangsa)
Kementerian Kewangan Malaysia



PROFESOR TS. DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



PUAN FARNIDA BINTI NGAH KADIR
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
UMW Corporation Sdn Bhd



DATUK ROSNAH BINTI HAJI ABDUL RASHID SHIRLIN



ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI

Ketua Pegawai Kewangan
Johor Corporation



YBRS. TS. DR. ZAHRI BIN YUNOS

Ahli Lembaga
CyberCyte UK
(sebuah Syarikat CyberSecurity yang berpangkalan di UK)



PUAN RUSNAH BINTI ALUAI



SETIAUSAHA:

YBRS. EN. MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Ahli Silih Ganti :

PUAN MARHANUM BINTI M. HANIFF

Setiausaha Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi

PENGURUSAN TERTINGGI



PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



PROF. DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa



PROFESOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR
Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi



**PROFESOR MADYA
DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



PROFESOR MADYA TS. MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Penolong Naib Canselor Strategik dan Kelestarian Global



ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi



PUAN SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari



PUAN SITI SALUWA BINTI JAMAL
Ketua Pustakawan



ENCIK MOHD NIZAM BIN PAVEL
Penasihat Undang-Undang



PROFESOR DR. MOHD KHANAPI BIN ABD GHANI
Ketua Pegawai Digital

DEKAN



PROFESOR DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah



PROFESOR MADYA DR. HIDAYAT BIN ZAINUDDIN
Dekan, Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektrik



PROFESOR MADYA DR. MASRULLIZAM BIN MAT IBRAHIM
Dekan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer



PROFESOR DR. MOHD FADZLI BIN ABDOLLAH
Dekan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal



PROFESOR IR. DR. HAMBALI BIN AREP @ ARIFF
Dekan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan



PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD SANUSI BIN AZMI
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



PROFESOR DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID
Dekan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan



PROFESOR DR. AHMAD ZAKI BIN A BAKAR
Dekan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan



PUAN NURLISA LOKE BINTI ABDULLAH
Dekan, Pusat Pembelajaran Bahasa

SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB



1. Canselori
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategik Dan Kelestarian Global)
6. Pejabat Pendaftar
7. Pejabat Bendahari
8. Pejabat Ketua Pegawai Digital
9. Perpustakaan Laman Hikmah
10. Sekolah Pengajian Siswazah
11. Pusat Islam
12. Pejabat Pengurusan Fasiliti
13. Pejabat Pengurusan Pembangunan
14. Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektronik Dan Komputer
15. Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektrik
16. Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal
17. Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan
18. Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
19. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan
20. Pusat Pembelajaran Bahasa
21. Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan



PELAN KAMPUS INDUK




PETUNJUK / LEGEND

- | | | |
|--|--|---|
| 1. FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KOMPUTER
Faculty of Electronics and Computer Technology and Engineering | 11. PUSAT PERSATUAN PELAJAR
Student Centre | 21. KAFETERIA 2
Student Cafeteria 2 |
| 2. FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Faculty of Electrical Technology and Engineering | 12. SASANA NIAGA
Sasana Niaga | 22. KAFETERIA 3
Student Cafeteria 3 |
| 3. KILANG PEMBELAJARAN
Teaching Factory | 13. MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR
Sayyidina Abu Bakar Mosque | 23. BIT KESELAMATAN
Security Bit |
| 4. FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
Faculty of Information Technology and Communication | 14. DEWAN CANSOLOR
Chancellor Hall | 24. KOLEJ KEDIAMAN LESTARI
Lestari Residential College |
| 5. SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
School of Graduate Studies | 15. DEWAN SUKAN
Sport Hall | 25. PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
University Health Centre |
| 6. PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA
Centre for Language Learning (CELL) | 16. STADIUM SUKAN UTM
UTM Sport Stadium | 26. FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN INDUSTRI DAN PEMBUATAN
Faculty of Industrial and Manufacturing Technology and Engineering |
| 7. CANSOLORI / HEP / BENDAHARI / BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
Chancellery / Student Affairs / Bursary Office / Academic Management Division | 17. RUMAH STAFF TUNGGU SEDIA
On-call Residential | 27. FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Faculty of Mechanical Technology and Engineering |
| 8. PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH
Laman Hikmah Library | 18. STOR KO-KURIKULUM
Co-curriculum Store | 28. PEJABAT KESELAMATAN
Security Office |
| 9. PEJABAT PEMBANGUNAN
Development Office | 19. KAFETERIA STAF
Staff Cafeteria | 29. KOLEJ KEDIAMAN SATRIA
Satria Residential College |
| 10. PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI
Knowledge And Communication Services Centre | 20. KAFETERIA 1
Student Cafeteria 1 | |

PELAN KAMPUS TEKNOLOGI



Pelan Susunatur KAMPUS INDUSTRI, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PETUNJUK/LEGEND

- 1 BANGUNAN PENTADBIRAN
Management Building
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI
DAN TEKNOUSAHAWAN
Faculty of Technology Management
And Technopreneurship
- 2 BANGUNAN KAFETERIA
Cafeteria Building
- 3 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Faculty of Mechanical Engineering
- 4 MAKMAL 1 (FTK) - FACTORY 1
Lab 1 (FTK)
- 5 MAKMAL 2 (FTK & FKM) - FACTORY 2
Lab 2 (FTK & FKM)
- 6 MAKMAL 3 (FTK) - FACTORY 3
Lab 3 (FTK)
- 7 MAKMAL 4 (FTK) - LOGISTIK 1
Lab 4 (FTK)
- 8 BANGUNAN PENTADBIRAN FPPT
FPPT Management Building
- 9 MAKMAL 5 (FPPT & FKM) - FACTORY 4
Lab 5 (FPPT & FKM)

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SESI 2023/2024



SETIAUSAHA KERJA

NUR AISYAH NABILA BINTI KHAIRUL HISHAM
011-510631750
syabikah.mpputen24@gmail.com



TIMB. YANG DIPERTUA

AFFI SYAHFZAL BIN ABDULLAH
011-36919474
affiydp.mpputen24@gmail.com



YANG DIPERTUA

MUHAMMAD HAIKAL BIN JOHARI
010-7005427
haikalyp.mpputen24@gmail.com



SETIAUSAHA AGUNG

NUR AZMA HANANI BINTI MOHD AZMI
013-3259466
azmaasua.mpputen24@gmail.com



BENDAHARI KEHORMAT

YAP ZHI XUAN
016-3222092
yazobk.mpputen24@gmail.com



FASILITI DAN KESELAMATAN

MUHAMMAD FITRI BIN KASTIAN
011-31543494
fitrifik.mpputen24@gmail.com



BELIA DAN SUKAN

AHMAD ASHRAF BIN AINNUDDIN
019-2656903
ashrafies.mpputen24@gmail.com



PERHUBUNGAN LUAR & KERJAYA

RYESON AMANDA PUTRI
015-9633795
mandahrik.mpputen24@gmail.com



MEDIA DAN INFORMASI

MUHAMMAD SYAHMI BIN OSMAN
011-15001107
syahmirini.mpputen24@gmail.com



AKADEMIK DAN INOVASI

DINA SOFEA BINTI HILMY
013-3509694
dinasoa.mpputen24@gmail.com

YASMINE HENRY
013-8967619
yasmineani.mpputen24@gmail.com



PEMBANGUNAN MAHASISWA & KEBUDAYAAN

ADMAR RAFIQ BIN MOHD RIZAL
012-3540879
admarafik.mpputen24@gmail.com

GEOGINA CARLYN
014-5889274
geoginac.mpputen24@gmail.com

JIMMY
019-8439133
jimmi.mpputen24@gmail.com




KEBAJIKAN DAN KESUKARELANAN

MUHAMMAD ADAM FIKRI BIN ABDUL RAHMAN
011-15164356
adamf.mpputen24@gmail.com

MUHAMMAD YUSOFF BIN ALI
016-7824526
yusofffik.mpputen24@gmail.com

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI



YURAN PENGAJIAN

JADUAL YURAN UNTUK PELAJAR BAHARU WARGANEGARA
BAGI PROGRAM DIPLOMA

JENIS BAYARAN	PROGRAM DIPLOMA		
	SEMESTER KHAS PERMULAAN (RM)	SEMESTER 1 (RM)	SEMESTER 2 - 5 (RM)
A. YURAN SEKALI SEPANJANG PENGAJIAN			
a. Yuran Minggu Haluan Siswa *	-	226.00	-
b. Yuran Pendaftaran	20.00	-	-
c. Yuran Alumni	100.00	-	-
d. Yuran Ko-Kurikulum	200.00	-	-
e. Bayaran Kad Pinar	50.00	-	-
	370.00	226.00	-
B. YURAN BERTULANG (SETIAP SEMESTER)			
a. Yuran Aktiviti & Khairat Pelajar	30.00	30.00	30.00
b. Yuran Perkhidmatan	140.00	140.00	140.00
c. Yuran Pelajaran (Bidang Teknologi & Teknikal)	150.00	300.00	300.00
d. Yuran Penginapan	224.00	504.00	504.00
	544.00	974.00	974.00
JUMLAH KESELURUHAN (A+ B)	914.00	1,200.00	974.00

*Nota :

- Minggu Haluan Siswa (MHS) bagi semua pelajar baharu Diploma akan diadakan serentak bersama-sama pelajar Ijazah Sarjana Muda sebelum bermula Semester 1 dan kehadiran adalah diwajibkan. Oleh itu, pembayaran Yuran Minggu Haluan Siswa akan dijelaskan pada Semester 1 sebanyak RM226.00.
- Kadar yuran adalah tertakluk kepada perubahan dan kelulusan Universiti.

**JADUAL YURAN UNTUK PELAJAR BAHARU WARGANEGARA
BAGI PROGRAM LIAZAH SARJANA MUDA**

JENIS BAYARAN / SEMESTER		PROGRAM PENGAJIAN KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI KEJURUTERAAN DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI/TEKNOUSAHAWANAN							
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
A.	YURAN SEKALI SEPANJANG PENGAJIAN								
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
a.	Yuran Minggu Haluan Siswa	228.00	-	-	-	-	-	-	-
b.	Yuran Pendaftaran	20.00	-	-	-	-	-	-	-
c.	Yuran Alumni	100.00	-	-	-	-	-	-	-
d.	Yuran Ko-Kurikulum	200.00	-	-	-	-	-	-	-
e.	Bayaran Kad Pinter	50.00	-	-	-	-	-	-	-
	Jumlah	598.00	-	-	-	-	-	-	-
B.	YURAN BERULANG (SETIAP SEMESTER)								
a.	Yuran Aktiviti & Khairat Pelajar	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00
b.	Yuran Perkhidmatan	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00
c.	Yuran Pelajaran (Bidang Teknologi & Telekomunikasi)	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00
d.	Yuran Penginapan	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00
e.	Yuran Kursus Persijilan Profesional	100.00	100.00	100.00	100.00	-	-	-	-
	Jumlah	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00
	JUMLAH KESELURUHAN (A+ B)	2,220.00	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00

JENIS BAYARAN / SEMESTER		PROGRAM PENGAJIAN SAINS KOMPUTER/ TEKNOLOGI MAKLUMAT						
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7
A.	YURAN SEKALI SEPANJANG PENGAJIAN							
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
a.	Yuran Minggu Hukun Siswa	228.00	-	-	-	-	-	-
b.	Yuran Pendaftaran	20.00	-	-	-	-	-	-
c.	Yuran Alumni	100.00	-	-	-	-	-	-
d.	Yuran Ko-Kurikulum	200.00	-	-	-	-	-	-
e.	Bayaran Kad Pinter	50.00	-	-	-	-	-	-
	Jumlah	598.00	-	-	-	-	-	-
B.	YURAN BERULANG (SETIAP SEMESTER)							
a.	Yuran Aktiviti & Khidmat Pelajar	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00
b.	Yuran Perkhidmatan	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00	140.00
c.	Yuran Pelajaran (Bidang Teknologi & Teknikal)	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00	850.00
d.	Yuran Penginapan	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00	504.00
e.	Yuran Kursus Persijilan Profesional	100.00	100.00	100.00	100.00	-	-	-
	Jumlah	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00
	Jumlah Keseluruhan (A+ B)	2,220.00	1,624.00	1,624.00	1,624.00	1,524.00	1,524.00	1,524.00

Nota:

- (a) UTeM mewajibkan semua pelajar Ijazah Sarjana Muda untuk mengambill sekurang-kurangnya SATU (1) Kursus Persediaan Persijilan Profesional di sepanjang pengajian yang bertujuan untuk memberikan nilai tambah dan meningkatkan kebolehpasaran bakal graduan UTeM. Kadar yuran kursus adalah sejumlah RM400.00 dan perlu dijelaskan mulai semester pertama hingga semester keempat sahaja. Yuran ini tidak akan diputangkan semula kepada pelajar sekiranya pelajar tidak menamatkan pengajian/tarik diri/diberhentikan/tidak aktif daripada pengajian.
- (b) Kadar yuran adalah tertakluk kepada perubahan dan kelulusan Universiti.
- (c) Jumlah keseluruhan kos pengajian adalah bergantung kepada tempoh dan semester pengajian anda.

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN

1. Semua pelajar dikehendaki menjelaskan keseluruhan bayaran yuran mengikut kursus yang ditawarkan berjumlah RM 2,221.00 mulai 26 September 2022 (Isnin) sehingga 4 Oktober 2022 (Selasa).
2. Pembayaran yuran pelajar baharu boleh dibuat melalui:
Kaedah Pembayaran melalui perbankan internet JOMPAY seperti maklumat di bawah;



Billar Code: 88393
Ref-1: Matric Card No.
Ref-2: IC/Passport/ID No.

JomPAY online at Internet and Mobile Banking with your Current, Savings or Credit Card account

PERAKUAN DAN PERMOHONAN BAYARAN MELALUI BANK

1. Semua pembayaran biasiswa/pinjaman/pemulangan yang akan dibuat kepada pelajar akan ditreditkan ke dalam akaun bank pelajar.
2. Pelajar bertanggungjawab untuk memaklumkan ke Pejabat Bendahari dan Unit Kebajikan (Pejabat Hal Ehwal Pelajar) dengan serta-merta sekiranya terdapat apa-apa pembetulan yang berkaitan dengan nombor akaun bank untuk mengelakkan sebarang masalah kelewatan pembayaran.
3. Pelajar memberi kuasa kepada Bendahari UTaM untuk menahan atau mendebitkan akaunnya sekiranya terdapat kesilapan pembayaran yang telah dibuat dan jika bayaran berkenaan telah dikeluarkan dari bank, pelajar bersetuju dan mengalu untuk membayar balik kepada Bendahari UTaM dalam masa 14 hari daripada tarikh tuntutan diterima/kesalahan tersebut disedari.
4. Pelajar juga akan mengembalikan segera mana-mana pembayaran biasiswa/pinjaman/pemulangan jika tidak layak mendapatnya atau menolak tawaran penanjur.
5. Kegagalan memulangkan bayaran seperti yang dikehendaki di para 3 dan 4 (jika berkenaan) membolehkan pihak UTaM mengambil tindakan ke atas pelajar atau penjamin atau kedua-duanya sekali.
6. Pelajar perlu mematuhi peraturan di atas dan bertanggungjawab terhadapnya. Sebarang pertanyaan mengenai urusan pembayaran atau yuran, sila hubungi :

Unit Pengurusan Kewangan Pelajar,
Pejabat Bendahari, UTaM,
No. Telefon : 06-270 2027/2032/2025/1196/2030

PERKHIDMATAN PELAJAR



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

- a) Skim Pinjaman Pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar di IPTA yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa, jarak jauh dan separuh masa di peringkat pengajian berikut:-
- Diploma**
 - Ijazah Sarjana Muda**
 - Ijazah Sarjana**
 - Doktor Falsafah (PhD)**
 - Kursus Profesional**
- b) Pelajar yang telah mendapat pinjaman PTPTN untuk pengajian terdahulu tetapi gagal menamatkan pengajian boleh memohon pinjaman kali kedua untuk meneruskan pengajian mereka setelah kesemua hutang pinjaman terdahulu diselesaikan. Walau bagaimanapun, pertimbangan bagi pembiayaan kali kedua tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.
- c) Pelajar yang telah mendapat pembiayaan PTPTN dan berjaya menamatkan pengajian terdahulu boleh membuat permohonan untuk ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Permohonan untuk peringkat pengajian yang sama tidak akan dipertimbangkan.
- d) Pelajar yang telah menerima pinjaman PTPTN tetapi mendapat penaja lain boleh membuat permohonan kali kedua mengikut kategori di bawah:-
- i) Bagi pelajar yang menerima tajaan lain dan tidak bertindih pembiayaan, pelajar boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu mengemukakan rayuan beserta dokumen sokongan yang diperlukan dan disahkan tajaan peminjam tidak bertindih dengan PTPTN.
 - ii) Bagi pelajar yang menerima tajaan lain dan bertindih pembiayaan, pelajar boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu menyelesaikan jumlah bertindih secara sekaligus dalam tempoh yang ditetapkan.
- e) Bagi pelajar yang membatalkan pinjaman dan membiayai sendiri baki pengajian juga boleh membuat permohonan kali kedua tetapi perlu mengemukakan rayuan beserta dokumen sokongan yang diperlukan dan disahkan pelajar membiayai pengajiannya sendiri tanpa menerima tajaan daripada mana-mana penaja.
- f) Pemberhentian bayaran pembiayaan akan dibuat apabila pelajar gagal meneruskan pengajian dalam peringkat jurusan atau IPT yang ditetapkan semasa permohonan pinjaman. Pelajar dikehendaki membayar balik wang yang telah diperolehi daripada PTPTN sepanjang tempoh pengajian yang telah diikuti sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pelajar layak memohon pembiayaan pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pemohon adalah warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- iii. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran;
- iv. Lulus SPM bagi pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti dan Sijil Politeknik dengan syarat memperolehi CGPA 3.0 dan ke atas;
- v. Bagi pelajar-pelajar IPTA/Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT(IPTA)/Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia;
- vi. Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perkara di atas;
- vii. Baki tempoh pengajian semasa permohonan dibuat tidak kurang dari satu tahun;
- viii. Pembiayaan pendidikan PTPTN memerlukan dua (2) penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa kandung pemohon sahaja tanpa mengambil kira had umur dan pendapatan penjamin;
- ix. Tidak mempunyai penaja lain; dan
- x. Jumlah keseluruhan pembiayaan pendidikan yang telah diperolehi pelajar dengan mengambil kira pembiayaan yang akan diluluskan hendaklah tidak melebihi RM65,000.00.

PERSEDIAAN SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN

- i. Sebelum membuat permohonan online PTPTN, pelajar perlu mendapatkan Nombor Pin di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) bernilai RM5.00. Nombor Pin BSN ini hanya sah diguna pakai untuk tempoh 6 bulan daripada tarikh pembelian.
- ii. Membuka akaun simpanan (persendirian) mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing.
 - UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) menggunakan akaun ProSavings Account-i RHB BANK sebagai akaun bagi permohonan dan penyaluran dana PTPTN.
 - Pelajar diwajibkan membuka akaun ProSavings Account-i RHB sebelum hari pendaftaran di mana-mana cawangan berdekatan kediaman pelajar. Sila bawa bersama Surat Tawaran Kemasukan ke UTeM Semester Sesi Akademik 2023/2024 dan kad pengenalan pelajar.
- iii. Pelajar yang masih belum mempunyai akaun SSPN-i diminta untuk membuka akaun di Maybank, Bank Rakyat, Bank Islam atau Agrobank bagi mendapatkan no akaun SSPN-i serta-merta.

KAEDAH PERMOHONAN

- a) Permohonan dan semakan kelulusan boleh dibuat melalui kaedah Online di **<http://www.ptptn.gov.my>**. Tempoh permohonan dan tempoh pemprosesan permohonan adalah seperti berikut:-

Peringkat Pengajian	Semester	Tempoh Permohonan Kelompok Pertama	Tarikh Proses Permohonan oleh PTPTN	Tempoh Permohonan Kelompok Kedua	Tarikh Proses Permohonan oleh PTPTN
Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	Semester Pertama	1 September hingga 30	30 september	1 Oktober hingga 31 Oktober	31 Oktober
	Semester Kedua	1 Februari hingga 28 Februari	28 Februari	1 Mac hingga 31 Mac	31 Mac

- b) Maklumat lanjut berkenaan syarat-syarat dan kaedah permohonan pembiayaan PTPTN boleh diperolehi dari laman web PTPTN **<http://www.ptptn.gov.my>**

PROSEDUR TUNTUTAN SKIM TAKAFUL BERKELOMPOK PELAJAR

Sekiranya berlaku kejadian yang melibatkan kemalangan, kematian, hilang upaya kekal atau dimasukkan ke wad. Berikut merupakan dokumen yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Kebajikan Pelajar dan Sukarelawan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UTeM :

1. Tuntutan Manfaat Kematian.
 - i. Borang Tuntutan Takaful
 - ii. Salinan Sijil Kematian Pelajar
 - iii. Salinan Permit Menguburkan
 - iv. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Waris)
 - v. Salinan bukti / pengesahan hubungan kekeluargaan waris dan pelajar
 - vi. Laporan Polis (sekiranya melibatkan kes kemalangan)
 - vii. Kenyataan Doktor yang mengesahkan kematian
 - viii. Salinan Slip Akaun Bank Pemohon (Waris)
2. Tuntutan Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh
 - i. Borang Tuntutan Takaful
 - ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Pelajar / Waris)
 - iii. Laporan Perubatan Doktor Pakar yang merawat
 - iv. Laporan Panel Badan Perubatan
 - v. Laporan Polis (sekiranya melibatkan kes kemalangan)
 - vi. Salinan Slip Akaun Bank Pemohon (Pelajar / Waris)
3. Tuntutan Bayaran Balik Bil Perubatan akibat Kemalangan.
 - i. Borang Tuntutan Takaful
 - ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Pelajar)
 - iii. Bil dan Resit Asal yang dikeluarkan oleh pihak Hospital atau Klinik
 - iv. Laporan Polis
 - v. Laporan Perubatan (sekiranya tuntutan melebihi kadar RM500.00)
 - vi. Salinan Slip Akaun Bank Pemohon (Pelajar)
4. Tuntutan Manfaat Elaun Hospital.
 - i. Borang Tuntutan Takaful
 - ii. Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Pelajar)
 - iii. Discharge Note atau bil yang dikeluarkan oleh pihak Hospital
 - iv. Laporan Polis (sekiranya melibatkan kes kemalangan)
 - v. Laporan Perubatan (sekiranya tuntutan melebihi kadar RM500.00)
 - vi. Salinan Slip Akaun Bank Pemohon (Pelajar)

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

**Bahagian Kebajikan Pelajar dan Sukarelawan,
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UTeM
No. Telefon : 06-270 1357 / 1377 / 1378 / 1933**

Tabung KHAIRAT PELAJAR

KEMATIAN

KEMATIAN PELAJAR

- Waris terima RM2,000.00
- Pengurusan jenazah ditanggung oleh UTeM
 - *Bagi pelajar beragama Islam > mandikan jenazah, kafan dan sembahyang jenazah
 - **Bagi pelajar bukan Islam > pengurusan jenazah
- Penghantaran jenazah balik ke kampung halamannya termasuk perkhidmatan kargo bagi pelajar yang berasal dari Sabah/Sarawak
- Tambang kapal terbang pergi dan balik kelas ekonomi untuk waris pelajar Sabah/Sarawak (terhad kepada 2 orang sahaja)

KEMATIAN ISTERI @ SUAMI @ ANAK

- Pelajar terima RM100.00 bagi kematian suami atau isteri.
- Pelajar terima RM100.00 bagi setiap kematian anak.

KEMATIAN IBU @ BAPA

- Pelajar terima RM300.00 (kes pelajar Semenanjung)
- Pelajar terima RM800 (kes pelajar Sabah/Sarawak)



Tabung KHAIRAT PELAJAR

KEMALANGAN

KEMALANGAN JALAN RAYA

Bil	Kecederaan	Kadar Bayaran
1.	Luka ringan akibat kemalangan	Maksima RM50.00
2.	Luka ringan akibat aktiviti rasmi (tergeliat)	RM50.00
3.	Luka dan berjahit selain bahagian muka dan sendi-sendi (≤ 5 jahitan)	RM60.00
4.	Luka dan berjahit bahagian muka dan sendi-sendi (≤ 5 jahitan)	RM70.00
5.	Luka dan berjahit selain bahagian muka dan sendi-sendi (≥ 6 jahitan)	RM80.00
6.	Luka dan berjahit bahagian muka dan sendi-sendi (≥ 6 jahitan)	RM100.00
7.	Luka parah (luka sebahagian besar badan)	RM100.00
8.	Patah tangan kiri atau kurang digunakan	RM120.00
9.	Patah tangan kanan atau kurang digunakan	RM150.00
10.	Patah sebelah kaki	RM180.00
11.	Patah kedua-dua tangan	RM200.00
12.	Patah kedua-dua belah kaki	RM200.00
13.	Tenat	RM200.00
14.	Hilang upaya (kekal)	RM200.00



KEMALANGAN SUKAN



Bil	Kecederaan	Kadar Bayaran
1.	Terseliuh atau urut tradisional	Maksima RM50.00
2.	Kecederaan ringan dan perlu rawatan di Hospital Kerajaan	RM50.00 - RM90.00
3.	Kecederaan berat sehingga menyebabkan patah anggota	RM100.00 - RM200.00

- Kadar bantuan akan ditentukan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) mengikut kes, tertakluk kepada kadar maksimum RM2,000.00.



KES LAIN
(seperti kebakaran, bencana alam & lain-lain)



PROSEDUR TUNTUTAN TABUNG KHAIRAT PELAJAR

Sekiranya berlaku kejadian yang melibatkan Kematian Waris, Kemalangan Jalan Raya atau Kemalangan Sukan serta Musibah/ Bencana/ Kes Khas, berikut merupakan dokumen yang perlu dikemukakan kepada Unit Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) :

1

Tuntutan Sumbangan Kematian Waris

- i. Borang Tuntutan
- ii. Salinan Sijil Kematian Waris
